

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB DATUK HAJAH AZIZAH BINTI  
DATUK SERI PANGLIMA HAJI MOHD  
DUN [ BEAUFORT ]**

**TARIKH : 2 DISEMBER 2019 (ISNIN)**

**SOALAN**

Minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan :-

- a) apakah perancangan terkini Kementerian untuk memperkasa produk-produk tempatan dari kawasan luar bandar khususnya di negeri Sabah; dan
- b) jenis-jenis program yang telah dirancang untuk menambah baik kemudahan prasarana pelancongan di Sabah.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya sentiasa berusaha untuk memperkasakan produk-produk tempatan dari kawasan luar bandar khususnya di negeri Sabah. Sehingga Oktober 2019, terdapat seramai 2,131 orang usahawan kraf di Sabah dengan nilai jualan yang telah dijana sebanyak RM41.3 juta. Pelbagai usaha telah dilaksanakan untuk memperkasakan produk kraf tempatan melalui pelaksanaan aktiviti seperti Projek Kraf Komuniti Ku (KKK), Festival Kraf Borneo (FKB) dan Festival Kraf Tekstil Borneo yang bertujuan untuk mempromosikan produk kraf yang dihasilkan oleh usahawan luar bandar kepada pelancong domestik dan antarabangsa.

Selain itu, sehingga kini, sebanyak 30 kluster homestay telah didaftarkan di Negeri Sabah yang terdiri daripada 51 buah kampung dengan penglibatan 406 orang peserta yang menawarkan 716 buah bilik untuk pelancong. Kementerian ini sentiasa menyokong dan membantu peserta-peserta Program Pengalaman Homestay dengan memberikan bantuan seperti berikut:

1. menaik taraf kemudahan guna sama (infrastruktur asas) di perkampungan Homestay yang berdaftar untuk keselesaan dan kepuasan para pelancong yang menginap di homestay;
2. melaksanakan program dan aktiviti homestay dengan kerjasama agensi Kerajaan di bawah Kerajaan Negeri serta di peringkat Persekutuan;
3. menggalakkan para pengusaha homestay menjadi usahawan desa dan terlibat di dalam Industri Kecil dan Sederhana (IKS) seperti perusahaan kraf tangan, makanan dan produk-produk nilai tambah lain untuk meningkatkan lagi pendapatan kepada masyarakat luar bandar;
4. meningkatkan pembangunan keupayaan pengusaha homestay melalui kursus dan latihan bagi memastikan kualiti perkhidmatan

homestay yang optimum diberikan dan menawarkan pakej-pakej homestay yang menarik seperti kursus pembangunan pakej, pemasaran melalui media sosial, pengendalian makanan dan komunikasi dan motivasi homestay; dan

5. menyediakan platform promosi yang melibatkan pengusaha homestay serta meneruskan kempen pengiklanan dan promosi melalui media cetak dan elektronik, seperti laman sesawang Kementerian dan Tourism Malaysia termasuklah melalui media sosial.

Di bawah Rancangan Malaysia KeSebelas (RMKe-11) Kementerian ini telah memperuntukkan sebanyak RM48.5 juta bagi sembilan (9) projek pembangunan pelancongan di Negeri Sabah. Projek-projek tersebut adalah seperti berikut:

1. Projek Peningkatan Kemudahan Pelancongan di Burlington Taman Kinabalu, Ranau, Sabah (RM12 juta) (Projek siap pada 8 Disember 2017);
2. Projek Pembinaan Sistem Saliran Air dan Pembinaan Loji/Kumbahan Najis, Gunung Kinabalu, Taman Kinabalu, Sabah (RM5.4 juta) (Projek siap pada 31 Julai 2019);
3. Projek Peningkatan Kemudahan Pelancongan Kawasan Layang-layang, Gunung Kinabalu, Taman Kinabalu, Ranau, Sabah (RM13.8 juta) (Dalam perancangan);
4. Projek Infrastruktur Edu-Tourism di Pusat Pemuliharaan Gajah Pygmy, Hilir Kinabatangan, Sabah (RM5.7 juta) (Projek dijangka siap pada 12 Disember 2019);
5. Projek Membina Esplanade Bengkoka Pitas, Sabah (RM2.2 juta) (Projek siap pada 23 Julai 2019);

6. Pembangunan Ecotourism di Gomantong, Kinabatangan Sabah (RM5.6 juta) (Dalam perancangan);
7. Pembangunan Ecotourism di Bornean Sunbear Conservation Center di Sepilok, Sandakan, Sabah (RM0.7 juta) (Dalam perancangan);
8. Peningkatan Kemudahan Pelancongan Relokasi Batu Sumpah Peringatan Mengikut Perlembagaan, Keningau, Sabah (Fasa1) (RM0.5 juta) (Projek siap pada 23 April 2018); dan
9. Projek Peningkatan Kemudahan Pelancongan di Rezab Hidupan Liar Tabin Lahad Datu, Sabah (RM2.6 juta) (Projek siap pada 11 Ogos 2016).

Secara umumnya bagi cadangan pembangunan projek pelancongan yang akan datang, Kementerian ini sentiasa bekerjasama dengan Agensi Negeri terutama sekali Kementerian Pelancongan, Kebudayaan dan Alam Sekitar Negeri Sabah (KePKAS) dalam mempertimbangkan sebarang cadangan pembangunan pelancongan domestik dan antarabangsa di Negeri Sabah bagi memastikan produk pelancongan di Malaysia dapat dibangunkan dan dapat memberi manfaat kepada masyarakat tempatan.

Sekian, terima kasih.